

KUALA LUMPUR

Tender dalam sungai

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengeluarkan tender mendalamkan Sungai Damansara dekat sini bagi mengatasi banjir kilat yang mem-babitkan Kampung Kebun Bunga, Batu Tiga dan TTDI Jaya, Shah Alam.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ir Ke-izrul Abdullah, berkata tender yang akan ditutup minggu depan, mem-bolehkan penilaian kerja menda-lamkan sungai berkenaan dilakukan bulan depan.

Beliau berkata, projek itu langkah sementara pihaknya bagi memas-tikan kejadian banjir kilat yang me-landa dua kawasan terbabit tidak berulang.